



OLEH: RANDY FISHELL

Kanak-Kanak Berani

Mengikuti Yesus Walau
Apa Pun Terjadi



Tuhan Mempunyai Misi Khas untuk Anda!



“Maka ia berkata kepadaku: ‘Engkau harus bernubuat (mengajar) lagi kepada banyak bangsa dan kaum dan bahasa dan raja.’” (Wahyu 10:11)

BAHAYA DI ALASKA

Seluruh bandar Nome, Alaska, berada dalam bahaya. Ia berlaku pada tahun 1925, dan Nome, yang terletak berhampiran dengan Lingkaran Arktik, hanya mempunyai seorang doktor.

“Saya percaya anak anda menderita tonsilitis,” kata Dr. Curtis Welch kepada beberapa ibu bapa. Tetapi kerana semakin banyak kes dengan gejala yang sama tiba, dia tertanya-tanya apakah dia mungkin salah. Ketika orang-orang mulai mati, dia tahu hal yang sebenarnya: wabak penyakit mematikan yang disebut difteria telah mulai merebak ke kota.

“Bekalan ubat tempatan kami sudah terlalu lama untuk digunakan,” jelas Dr. Welch. Dan ubat terdekat yang boleh digunakan terletak beratus-ratus batu jauhnya! Nome benar-benar dikelilingi oleh ais, jadi kapal tidak dapat membantu apa pun. Beberapa pesawat yang mungkin dapat melakukan perjalanan itu pula diselenggara untuk musim sejuk. Bahkan, kereta salji belum lagi dicipta!

Dr. Welch mengirim pesanan telegram yang mendesak kepada pihak berkuasa yang sepatutnya:

“WABAK DIFTERIA SUDAH HAMPIR [PASTI] DI SINI. SAYA MEMERLUKAN SATU JUTA UNIT DIFTERIA [UBAT] DENGAN KADAR YANG SEGERA”

Sementara itu, masih ratusan batu jauhnya, jumlah ubat yang diperlukan akhirnya berjaya dikumpulkan. Tetapi bagaimana ia akan sampai ke Nome? Seorang lelaki bernama Mark Summers mencadangkan untuk ke sana dengan berpergian menggunakan kereta luncur anjing. Ini satu-satunya harapan mereka untuk sampai ke Nome tepat pada waktunya untuk mengelakkan wabak difteria yang mengerikan itu.

Perjalanan dari titik permulaan, Nenana, ke Nome adalah 1.085 kilometer (674 batu). Biasanya perjalanan mengambil masa lebih kurang 30 hari. Tetapi itu sangat perlu untuk disingkatkan.

Perjalanan misi pun dimulai, dengan anjing dan pengemudi mereka, yang dikenali sebagai *musher*, menahan radang dingin dan banyak lagi. Melintasi lereng-lereng gunung yang berbahaya dan melalui ribut salji yang menghalang penglihatan, namun pasukan itu terus maju.

Misi itu berjaya! Yang mengejutkan semua orang, keseluruhan perjalanan hanya memakan masa selama *lima hari setengah*! Namun, terdapat kesedihan yang perlu ditanggung kerana sekurang-kurangnya lima ekor anjing telah terkorban.

Pada akhirnya, kematian akibat difteria kurang daripada 10 di Nome, pada saat itu sebuah kota berpenduduk sekitar 1.300, dengan 10.000 di daerah sekitarnya. Ini semua adalah berkat misi bantuan yang diterima dan diselesaikan.

Sumber untuk salinan eds:

https://en.wikipedia.org/wiki/1925_serum_run_to_Nome

[https://en.wikipedia.org/wiki/Togo_\(dog\)](https://en.wikipedia.org/wiki/Togo_(dog))

RENUNGAN

- Adakah anda pernah dihantar untuk misi khas? Apakah misi itu?
- Apa pendapat anda mengenai idea bahawa anda adalah sebahagian daripada pasukan khas yang dipanggil untuk membantu orang lain untuk bersedia akan kedatangan Yesus?

IDEA DOA HARI INI

Ucapkan doa syukur kerana Tuhan mengundang anda untuk menjadi sebahagian dari misi akhir zaman-Nya. Mintalah Dia untuk membantu anda memahami mesej perkhabaran ini dengan lebih baik, dan bagaimana anda dapat mengongsikannya kepada orang lain.

Berita Baik untuk Semua Orang

“Dan aku melihat seorang malaikat lain terbang di tengah-tengah langit dan padanya ada Berita Baik yang kekal untuk diberitakannya kepada mereka yang diam di atas bumi (Wahyu 14:6).

BERITA BAIK DI TAMAN

Zarita dan Aiko* berasa bosan. “Mari kita berjalan-jalan ke taman,” saran Zarita. Ketika mereka tiba, taman itu tampak kosong, kecuali tiga orang budak lelaki yang mengumpulkan batu dan membawanya ke atas papan gelongsor yang berdekatan.

“Apa yang kalian lakukan?” Zarita menyapa budak-budak itu. Tetapi mereka tidak menjawab, malah semua budak lelaki tersebut mengambil batu dan mengarahkannya kepada Zarita dan Aiko! Zarita diam-diam meminta kebijaksanaan dari Tuhan.

Untuk sebab tertentu, Zarita tidak melarikan diri, malah bertanya, “Siapa nama kamu?”

Semua budak lelaki itu kelihatan keliru. “Tidakkah kamu takut pada kami?” salah seorang daripada mereka bertanya.

“Sedikit, tetapi saya meminta Tuhan untuk menyertai kami,” balas Zarita.

Sekarang para pembuli itu benar-benar bingung! Mereka menjatuhkan “peluru” mereka dan turun dari gelongsor. Ketika itulah Zarita terdengar suara yang berbisik, “Ceritakan kepada mereka tentang Tuhan. Mereka akan mendengar.” Zarita melihat sekeliling, dan Aiko sepertinya melakukan perkara yang sama. Tetapi tidak ada orang lain yang berdekatan.

Ketiga-tiga budak lelaki tersebut menghampiri mereka. Mereka memberitahu Zarita dan Aiko nama mereka. Tidak lama kemudian, Zarita dan Aiko memberitahu budak-budak lelaki itu tentang Yesus! Dan budak-budak lelaki itu mendengar! Akhirnya salah seorang budak lelaki meminta agar Zarita dan Aiko untuk berdoa. Setelah selesai, budak lelaki itu mulai berdoa, meminta pengampunan dari Yesus.

Setibanya di rumah, Zarita berkata, “Aiko, di taman tadi saya mendengar suatu bisikan yang menyuruh saya untuk memberitahu budak-budak lelaki itu tentang Yesus.”

Mata Aiko membesar. “Saya juga sama!” dia berseru. Dan saat itu, mereka berterima kasih kepada Tuhan atas kesempatan yang Dia berikan kepada mereka untuk mengongsikan berita baik-Nya.

RENUNGAN

- Bagaimanakah anda menerangkan Injil dalam satu atau dua ayat?
- Adakah idea untuk mengongsikan berita baik tentang kasih dan keselamatan Yesus membuat anda berasa tidak selesa? Jika ya, menurut anda, apa yang membuat anda merasa seperti itu?

IDEA DOA HARI INI

Mintalah Tuhan untuk menunjukkan kepada anda apa erti Injil yang sebenarnya dalam hidup anda sendiri. Berdoalah agar anda bersedia untuk mengongsikan Injil pada bila-bila masa yang tepat.



*Bukan nama sebenar mereka

? Cerita diadaptasi dari Rachel Woitt, “A Whisper and a Prayer,” Guide, 10 Disember 2005

Berpaling Dari Dosa!

“Sembahlah Tuhan. . . . Waktunya telah tiba bagi Tuhan untuk menghakimi semua orang” (Wahyu 14:7)

SEORANG PEMBUAT MASALAH BERTEMU YESUS

Tiga orang pemuda yang marah tiba-tiba menyerbu ke tempat di mana ayah Carl, seorang pendeta Advent, sedang memberitahu orang lain mengenai Yesus. “Kamu ada 10 minit untuk keluar dari sini!” salah seorang daripada pemuda itu berteriak. Mereka masing-masing membawa pistol, pisau, dan sebatang besi panjang bersama mereka.

“Kami akan kembali untuk buat kekacauan dalam 10 minit!” jerit lelaki jahat itu. Dengan itu, ketiga-tiga pembuat masalah itu berpaling dan beredar.

Apa yang akan Ayah lakukan? Carl tertanya-tanya. Adakah ayah akan berhenti berbicara dan menyuruh semua orang untuk pergi? Tetapi sebaliknya, Ayah terus berkhotbah!

Sekitar 10 minit kemudian, ketiga-tiga pemuda itu kembali. Carl menatap wajah mereka. Carl berfikir bahawa mereka benar-benar kelihatan sangat marah sekarang!

Tetapi ketika Carl menoleh untuk melihat ayahnya, dia melihat ada sesuatu yang berlaku. Ayah memandang tepat ke arah mata lelaki itu. Semasa dia melakukannya, lelaki itu mula gemetar, dan kemudian mulai mundur dan pergi!

Beberapa minggu kemudian, Ayah mengadakan pembaptisan di sungai berdekatan. Pemuda yang memegang batang besi panjang itu muncul! Dia menghampiri Ayah. “Pendeta,” katanya, “saya juga ingin dibaptis. Tetapi saya belum bersedia, kerana saya telah menjadi orang yang sangat jahat.”

Dapatkah pemuda seperti itu benar-benar berubah dan melayani Yesus? Carl tertanya-tanya. Tetapi dia terkejut kerana beberapa minggu selepas itu, Ayah memimpin pemuda itu ke sungai.

Betapa bangganya Carl terhadap ayahnya. Dan betapa kagumnya dia pada apa yang boleh terjadi ketika seseorang memilih untuk berpaling dari kejahatan dan mengikuti Yesus!*



RENUNGAN

- Apakah dosa yang mungkin ada dalam hidup anda yang ingin anda tinggalkan?
- Apakah beberapa perkara yang menyebabkan anda mengalihkan pandangan dari Yesus? Bagaimana anda boleh mengubahnya?

IDEA DOA HARI INI:

Mintalah Tuhan untuk membantu Anda berpaling dari fikiran dan tindakan yang salah. Bersyukurlah kepada-Nya atas kuasa-Nya untuk mengubah dan atas pengampunan-Nya yang penuh kasih.

* Diadaptasi dari Barbara Westphal, “*Deadly Threats*,” *Guide*, 15 Disember 2001.

Sembahlah Tuhan Pencipta dan Hormatilah Sabat-Nya

“Dia yang telah menjadikan langit dan bumi dan laut dan semua mata air” (Wahyu 14:7)

LUAR DARI DUNIA INI

Waktu itu adalah Malam Krismas, dan tiga orang lelaki berada jauh dari rumah. Bill, Jim, dan Frank bahkan tidak berada di Planet Bumi. Ketiga-tiga angkasawan itu berada dalam kapsul angkasa Apollo 8, sedang mengorbit bulan!

Dari sudut pandang mereka yang jauh, kru itu dapat melihat sinar cahaya mulai menjalar melintasi Planet Bumi. Matahari menerangi planet biru kecil yang begitu jauh itu.

Ketiga-tiga angkasawan telah menunggu saat ini. Angkasawan Bill Anders menyesuaikan diri dan mulai berbicara ke mikrofon. “Kami sekarang menghampiri lunar matahari terbit,” katanya, “dan untuk semua orang di bumi, kru Apollo 8 ada mesej yang ingin kami kirimkan kepada anda.”

Apakah yang hendak diberitahu oleh angkasawan itu? orang mulai bertanya-tanya.

“Pada mulanya, Tuhan menciptakan langit dan bumi. . . “Angkasawan membaca Kejadian 1: 1, * ayat pertama dalam Alkitab! Dia terus membaca, dan kemudian angkasawan Jim Lovell mengambil alih.

“Dan Tuhan menamakan terang itu Siang, dan gelap itu Malam.” Ini juga berasal dari kisah Alkitab tentang Penciptaan—Kejadian 1:5. Angkasawan Lovell terus membaca, dan kemudian disambung oleh angkasawan yang ketiga.

“Hendaklah segala air yang di bawah langit berkumpul pada satu tempat, sehingga kelihatan yang kering. Dan jadilah demikian.” Angkasawan Frank Borman melanjutkan bacaan dari kitab Kejadian. “Lalu Tuhan menamai yang kering itu darat, dan kumpulan air itu dinamai-Nya laut. Tuhan melihat bahawa semuanya itu baik.”

Terpesona oleh keindahan dan keajaiban dari apa yang mereka lihat dari angkasa lepas, para angkasawan merasa perlu untuk memuji Seseorang yang lebih besar dari diri mereka sendiri. Angkasawan Borman menutup dengan kata-kata terakhir ini: “Tuhan memberkati kalian, kalian semua di bumi yang baik ini.” Dengan itu, Apollo 8 terus mengelilingi bulan.

RENUNGAN

- Mengapa Syaitan mahu orang mempercayai evolusi dan bukannya Tuhan sebagai Pencipta?
- Mengapa penting bagi Tuhan agar umat manusia menghormati Sabat hari ketujuh dan bukannya hari Ahad atau hari lain?

IDEA DOA HARI INI:

Berdoalah agar Tuhan menunjukkan kepada anda lebih banyak lagi keajaiban ciptaan-Nya. Mintalah Dia untuk membantu anda agar selalu menghormati Sabat hari ketujuh tidak kira apa pun yang terjadi.



* Ayat-ayat yang dibacakan oleh para angkasawan berasal dari *King James Version*.

Jauhi Ibadah Palsu!

“Kemudian malaikat kedua mengikuti malaikat pertama dan berkata, ‘Dia musnah! Kota besar Babel dihancurkan!’” (Wahyu 14: 8)

MENEMUKAN KEBENARAN DI TONGA

Asipeli tinggal di pulau Polga, Tonga, di selatan Lautan Pasifik. Di situlah dia memilih untuk mengikuti agama ayahnya. Tetapi sekarang dia mempunyai persoalan.

Beberapa minggu sebelumnya, dua orang lelaki telah tiba di Tonga dan mula mengadakan pertemuan keagamaan. Disebabkan rasa ingin tahu, Asipeli dan rakannya, Manu menghadirkan diri. Mereka terkejut untuk mengetahui idea-idea dari Alkitab yang tidak pernah mereka dengar.

Asipeli dan Manu pergi ke pertemuan itu setiap malam. Ketika pertemuan tersebut berakhir, mereka berdua tahu lebih banyak tentang Alkitab. Tetapi satu pertanyaan sekarang yang menghantui mereka: Manakah gereja yang benar?

Suatu hari, Asipeli membuat sebuah pengumuman. “Sebuah kapal besar dari Australia akan tiba di pelabuhan pada hari esok. Saya akan pergi ke kapal dan meminta Tuhan untuk menunjukkan kepada saya seseorang yang dapat menjawab pertanyaan saya, ‘Gereja mana yang benar?’”

Di pelabuhan, Asipeli memerhatikan sementara para pelancong meninggalkan kapal besar itu. Akhirnya, dia melihat seorang lelaki yang dia rasa Tuhan telah pilih untuk diajak berbicara. “Adakah anda seorang Kristian, tuan?” tanya Asipeli.

Terkejut, lelaki itu berkata, “Mengapa, ya, saya seorang Kristian—saya seorang Baptis. Kenapa kamu bertanya?”

Dengan segera, Asipeli yang bersemangat mengajukan pertanyaannya: “Bolehkah anda memberitahu saya gereja mana yang benar?”

Penumpang ini telah mengambil pelajaran Alkitab selama beberapa bulan terakhir, dan dia belajar tentang kebenaran Alkitab. “Tuliskan ke alamat ini,” katanya kepada Asipeli. “Mereka akan memberitahu anda gereja mana yang benar.” Asipeli menemui sebatang pensel dan menuliskan alamat yang diberikan lelaki itu kepadanya. Akhirnya, dia mula mengambil pelajaran Alkitab melalui surat. Asipeli belajar tentang gereja sejati Tuhan, gereja yang percaya kepada Yesus dan menuruti semua Sepuluh Hukum — termasuk Sabat hari ketujuh.

Tidak lama kemudian, Asipeli dan Manu dibaptiskan dalam Gereja Advent Hari Ketujuh. Sungguh mengagumkan bagaimana Tuhan memimpin ketika kita mengundang-Nya ke dalam kehidupan kita. *



RENUNGAN

- Adakah anda pernah mengikuti seseorang atau sesuatu yang membawa anda ke arah yang salah? Apa yang anda akan lakukan secara berbeza?
- Adakah anda mempunyai rakan atau saudara yang sepertinya merupakan sebahagian dari gereja yang tidak sepenuhnya mengikuti kebenaran Alkitab? Bagaimanakah perasaan anda?

IDEA DOA HARI INI:

Mintalah Tuhan untuk menunjukkan kepada anda dengan jelas mana gerejanya yang benar. Bersyukurlah kepada-Nya kerana telah melindungi Firman-Nya, Alkitab, selama berabad-abad sehingga anda dapat membaca kebenarannya hari ini.

* Cerita diadaptasi dari Walter Scragg, “Excuse Me, Sir, Which Is the True Church?” Guide, 14 September 1966.

Tetap Ikuti Alkitab

“Malaikat ketiga ini berkata dengan suara lantang: ‘Tidak baik bagi orang yang menyembah binatang dan berhala itu dan mendapat tanda binatang di dahi atau di tangan’” (Wahyu 14: 9)

BERSEMBUNYI PADA HARI SABAT

Sebelas orang berkumpul di tebing sungai tersembunyi di Eropah selatan. Sepanjang waktu itu di negara ini, umat Advent Hari Ketujuh diancam dengan kekerasan. Orang ramai mendengar tentang pembaptisan dan menyerang anggota yang baru dibaptiskan. Malangnya, seorang ibu kepada dua orang anak dibunuh oleh orang ramai.

Dua anak wanita itu adalah Alex, berusia 10 tahun dan adik perempuannya yang berusia 8 tahun, Marie. Sebilangan saudara mereka menemukan anak-anak itu sebuah rumah asuh.

Setelah sarapan pada hari Sabat pertama di rumah baru mereka, Alex dan Marie keluar dan bersembunyi di longgokan jerami untuk mempelajari pelajaran Sekolah Sabat dan membaca Alkitab. Ketika mereka kembali, lelaki di rumah itu memukul Alex dan Marie.

Sabat berikutnya, mereka menghabiskan waktu di beberapa hutan berdekatan. Dan sekali lagi, ketika mereka kembali, ayah angkat memukul mereka.

Sabat ketiga, ibu bapa angkat menghentikan kedua-dua anak itu ketika mereka ingin menuju ke hutan. Tetapi ketika lelaki itu menyerang Alex dan Marie, beberapa jiran tiba di sana. Kemudian mereka melaporkan kepada pihak berkuasa apa yang mereka lihat. Ibu bapa angkat itu pun ditangkap.

Bila tiba waktunya ibu bapa angkat itu dihukum, hakim berkata dengan kasar, “Kamu akan dipukul sama seperti kamu memukul anak-anak ini!”

Tiba-tiba, Alex berdiri dan berkata, “Tolong, hakim, jangan pukul mereka. Memang benar bahawa dia telah memukul saya dan adik perempuan saya kerana kami memelihara hari Sabat. Tetapi dipukul itu menyakitkan. Kami tahu. Perjanjian Baru memberitahu kita untuk mengasihi musuh kita dan berdoa untuk mereka.”

Hati hakim menjadi lembut. Dia tidak menghukum ibu bapa angkat itu, tetapi mereka harus menandatangani janji bahawa mereka tidak akan lagi mengganggu anak-anak mengenai iman mereka.

Tidak lama kemudian, ayah angkat menerima pelajaran Alkitab dari beberapa orang Advent setempat, dan dia dibaptiskan. Tidak ada yang lebih gembira dengan kehidupannya yang berubah selain Alex dan Marie. *

RENUNGAN

- Bagaimanakah perasaan anda tentang dihukum kerana iman anda?
- Dapatkah anda memikirkan beberapa cerita Alkitab di mana orang-orang dihukum kerana kepercayaan mereka?

IDEA DOA HARI INI:

Bersyukur pada Tuhan untuk banyak contoh yang kita miliki dari orang-orang yang menghormati kepercayaan kita tanpa mempedulikan akibatnya. Mintalah keberanian kepada-Nya untuk melakukan hal yang sama.



* Adaptasi dari Barbara Westphal, “Don’t Flog Him, Please,” *Guide*, 1 September 1965.

Kasih Tuhan Menang

“Ia akan meminum anggur murka Tuhan”
(Wahyu 14:10)

MINUMAN BERACUN

Eustorgio, seorang petani yang berasal dari Peru, membenci orang Advent lebih daripada apa pun. Malam ini, dia akan mengundang orang Advent untuk makan malam, tetapi bukan untuk menikmati makanan. Tidak, malam ini dia akan meracuni tetamunya.

“Aromanya sedap sekali!” tetamu Adventist itu berkata sambil melangkah masuk ke pondok *adobe* milik Eustorgio. “Saya sangat gembira anda mengundang saya,” lanjutnya. “Ada banyak yang ingin saya ceritakan kepada anda tentang apa yang berlaku kepada saya sejak saya menjemput Yesus ke dalam hidup saya.”

“Kedengarannya bagus sekali,” Eustorgio berbohong. “Mengapa kamu tidak memberitahu saya tentang perkara itu sewaktu kita makan?”

Kedua-dua lelaki itu pun duduk untuk makan malam yang sederhana, nasi dan kacang. Masing-masing di hadapan mereka adalah gelas berisi minuman. Gelas di depan tetamu Adventist itu mempunyai bunga kecil di atasnya - dan racun yang mematikan ada di *dalamnya*.

Orang Adventist itu menundukkan kepalanya dan mengucapkan syukur kepada Tuhan atas makanan yang disediakan di hadapan mereka. Segera dia mengambil segelas jus dan menghabiskannya dalam hanya satu tegukan besar. “Ah, itu enak!” katanya. “Jus betik adalah kegemaran saya!”

“Saya membuatnya khas untuk anda,” kata Eustorgio sambil tersenyum jahat. *Tidak lama lagi orang Adventist ini akan merasa kesakitan dan mati!* dia berfikir.

Tetapi ketika minit demi minit berlalu tanpa terjadi apa-apa pada tamunya, Eustorgio mulai berasa gelisah di tempat duduknya. Dua jam berlalu sementara orang Advent itu menikmati makanannya dan berbicara tentang kasih Tuhan.

Akhirnya, pemuda Advent itu berdiri untuk pergi, tetapi sebelum dia berbuat demikian, dia mengundang Eustorgio untuk menghadiri gereja bersamanya pada hari Sabat. Saat pemuda itu berjalan pergi, Eustorgio berlutut di dalam pondoknya. Dengan gemetar dia berfikir, *Bagaimana mungkin orang itu masih hidup? Apakah dia ahli sihir? Atau . . . mungkin semua yang dia katakan tentang Tuhan itu benar!*

“Oh Tuhan, Tuhan pemuda Advent itu,” bisik Eustorgio, “sekarang saya melihat bahawa Engkau benar dan bahawa Engkau mempunyai kuasa untuk menyelamatkan. Tolong selamatkan saya juga!”*



RENUNGAN

Apakah beberapa penipuan rohani yang dipercayai orang?

Menurut anda, mengapa penting bagi penghakiman akhir zaman Tuhan untuk berlaku?

IDEA DOA HARI INI:

Bersyukur kepada Tuhan kerana memberi anda kebebasan untuk memilih keyakinan rohani anda. Mintalah Dia untuk mengajari anda tentang kasih-Nya dan bagaimana hal itu dapat menghilangkan rasa takut tentang penghakiman akhir zaman.

* Cerita diadaptasi dari Juliana Marin, “*Blessed Poison*,” *Guide*, 12 Disember 2009.

Bahagian yang Tersisa

“Umat Tuhan yang kudus” “harus mentaati perintah Tuhan dan memelihara iman mereka kepada Yesus” (Wahyu 14:12)

CABARAN DUA BUAH CERITA

Lihat apakah anda dapat mengetahui persamaan dari kedua-dua cerita berikut.

CERITA 1

Karpet bilik tidur Nadia sudah usang, dan ibu bapanya mengatakan bahawa dia boleh memilih warna yang baru. “Oh, saya suka yang itu!” katanya sambil menunjuk ke arah karpet berwarna merah jambu. Ibu dan ayahnya bersetuju.

urujual itu berkata, “Itu adalah pilihan yang popular. Sebenarnya, gulungan kecil ini adalah sisa dari gulungan yang jauh lebih besar. Berita baiknya ialah saya dapat menjualnya kepada anda dengan harga diskaun!”

CERITA 2

Elia telah melarikan diri dari Ratu Izebel yang jahat. Disebabkan keletihan, dia memasuki sebuah gua untuk bermalam. Dia berasa begitu bersendirian!

Tiba-tiba dia terdengar suara! “Elia! Kenapa kamu di sini?” Itu Tuhan yang berfirman kepadanya!

“Tuhan, Tuhan yang empunya tentera syurga,” jawab Elia, “Saya selalu melayani Engkau dengan sebaik mungkin. Tetapi orang Israel telah melanggar perjanjian mereka dengan Engkau. Mereka telah memusnahkan mezbah-Mu. Mereka telah membunuh nabi-nabi-Mu dengan pedang. Saya satu-satunya nabi yang tersisa. Dan sekarang mereka juga berusaha untuk membunuh saya!”

Tetapi Tuhan tahu bahawa Elia bukanlah satu-satunya orang yang tersisa yang melayani Tuhan yang benar. Dia berkata kepada Elia, “Aku telah meninggalkan 7,000 orang yang tinggal di Israel. 7,000 orang itu tidak pernah sujud di hadapan Baal.”

*



RENUNGAN

- Apakah contoh Alkitab tentang orang atau umat sisa yang dapat anda fikirkan? Petunjuk: Kelompok ini enggan sujud dan menyembah patung emas raksasa.
- Apakah tanggungjawab yang datang dengan menjadi sebahagian dari gereja sisa Tuhan akhir zaman?

IDEA DOA HARI INI:

Mintalah Tuhan untuk menunjukkan kepada anda dengan jelas tentang umat-umat sisa akhir zaman-Nya. Undang Dia untuk memberikan anda keberanian untuk selalu mengikuti Yesus dan menghormati Sepuluh Hukum.

* Petikan adalah dari 1 Raja-raja 19: 9-18, *ICB*.

Randy Fishell merupakan bekas editor majalah *Guide*. Pada masa ini, dia menulis dan menyediakan ilustrasi untuk buku-buku *Tucker Barnes & Friends* yang popular untuk anak-anak.